

## **BAHAGIAN (n) - CADANGAN UNTUK MENINGKATKAN PRESTASI SEMASA DAN JANGKA**

### **PANJANG PERNIAGAAN**

a) Dengan Merujuk Analisis Penyata Kewangan dan Analisis Nisbah atau Penyata Pendapatan.

Cadangan untuk meningkatkan **prestasi semasa** perniagaan.

i-Meningkatkan tahap jualan – pelbagai kaedah promosi boleh digunakan. Peniaga juga boleh memberi diskaun kepada pelanggan tetap yang mempunyai rekod pembayaran balik yang baik.

ii-Mengubah strategi jualan - meningkatkan jualan tunai dan mengurangkan jualan kredit. Dapat meningkatkan aliran tunai perniagaan dan mengurangkan risiko hutang lapuk.

iii-Mengurangkan perbelanjaan - mengurangkan pembelian inventori secara pukal - ini dapat mengurangkan kos penyimpanan inventori di gudang / setor, mengurangkan risiko kerosakan, kecurian dan keusangan stok. Mencari pembekal yang dapat memberikan harga dan kualiti barang yang terbaik.

b) Dengan merujuk kepada belanjawan tunai.

Cadangan untuk meningkatkan **prestasi jangka panjang** perniagaan.

**\*\*Jika Belanjawan Tunai menunjukkan Lebihan.**

- 1 Mempebesarkan perniagaan - membuka cawangan di tempat lain sama ada di bandar yang sama atau di daerah lain.
- 2 Menukarkan bentuk perniagaan daripada milikan tunggal kepada perkongsian atau syarikat sdn. Bhd.
- 3 Melaburkan lebihan wang ke dalam skim pelaburan yang bersesuaian untuk mendapat pendapatan sampingan.
- 4 Membeli aset bukan semasa - membeli aset perniagaan yang dapat menjana ekonomi.

**\*\*Jika Belanjawan Tunai menunjukkan Kurangan.**

- 1 Memohon pinjaman daripada institusi kewangan atau memohon kemudahan overdraf untuk meningkatkan aliran tunai.
- 2 Mengetatkan polisi perniagaan dalam pemberian kredit kepada pelanggan.
- 3 Memasukkan modal tambahan ke dalam perniagaan.